

## RELIGIOUS TOLERANCE IN MALAYSIA: IDEALISM AND PRACTICE (Keperihalan Toleransi Beragama di Malaysia: Idealisme dan Praktis)

<sup>1</sup>NAZNEEN ISMAIL

<sup>1</sup>AEMY ELYANI MAT ZAIN\*

<sup>3</sup>HASLINA IBRAHIM

<sup>1</sup>SAFINAH ISMAIL

<sup>2</sup>NUR AISYAH ABU HASSAN

<sup>4</sup>FATIN FARZANA DASS MERAL

<sup>1</sup>Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Pembangunan Insan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Usuluddin dan Perbandingan Agama dan Perbandingan Falsafah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), P.O Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>4</sup>Fakulti Peradaban Pengajian Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia

---

### ABSTRACT

Malaysia, as a pluralistic nation with a rich historical background, is recognized globally for its ability to maintain religious harmony. This study explores the factors contributing to religious tolerance in Malaysia, the challenges faced by religious communities and strategies to sustain societal stability. Key factors promoting tolerance include the wisdom of leaders, education, social and cultural traditions, the role of religious leaders, and personal experiences. However, challenges persist, such as ignorance, misuse of social media, emotional and political influences, differing educational backgrounds, and variations in religious practices. To address these issues, the study recommends fostering mutual respect among faiths, enhancing education focused on ethical interfaith interactions, disseminating accurate religious information, and enforcing laws that protect community rights while curbing misconduct. A collaborative, balanced approach involving education and enforcement is crucial. Leaders and religious figures play a pivotal role in ensuring that interfaith relations are

\*Corresponding author: Aemy Elyani Mat Zain, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Peradaban Pengajian Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia, mel-e: aemyelyani@uis.edu.my

Diserahkan: 13 Disember 2024

Diterima: 15 Januari 2025

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2025-1701-06>

rooted in knowledge, ethics, and cultural values, aligning with the nation's aspiration for harmony amidst diversity.

**Keywords:** Religion; challenges to religious tolerance; religious harmony; religious sensitivity; religious tolerance

## ***ABSTRAK***

*Malaysia, sebuah negara majmuk dengan sejarah unik, menjadi model masyarakat antarabangsa atas keupayaannya melestarikan keharmonian beragama. Kajian ini membincangkan faktor toleransi beragama, isu dan cabaran yang dihadapi masyarakat, serta cadangan penambahbaikan untuk memastikan kestabilan sosial. Antara faktor utama toleransi beragama di Malaysia ialah kebijaksanaan pemimpin, pendidikan, tradisi sosial dan budaya, peranan pemimpin agama, serta nilai-nilai murni agama Namun, isu sensitif agama terus menjadi cabaran disebabkan kejahilan masyarakat, media sosial, sentimen emosi dan politik, sistem pendidikan dan kehidupan beragama para pengikut agama. Kajian ini mencadangkan agar toleransi beragama diperkuuh melalui sikap saling menghormati, pemerlukan pemimpinan dan pendidikan, penyebaran maklumat berkaitan agama dan isu sensitif antara agama, menghindari provokasi dan pemerlukan undang-undang. Pendekatan seimbang antara pendidikan dan penguatkuasaan memerlukan kerjasama semua pihak, termasuk pemimpin dan pemimpin agama. Usaha ini penting untuk memastikan hubungan antara agama di Malaysia berasaskan nilai ilmu, etika dan budaya setempat, demi mencapai aspirasi keharmonian dalam kepelbagaiannya.*

**Kata kunci:** Agama; cabaran toleransi beragama; keharmonian beragama; sensitiviti agama; toleransi beragama

## **PENGENALAN**

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 yang bermaksud: Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Ayat ini memberitahu kepada semua umat manusia bahawa mereka semua diciptakan dengan asal usul dan hakikat yang sama. Maka, tiada sesiapa yang layak untuk membanggakan diri apatah lagi menghina dan merendah-rendahkan pihak lain. Tujuan manusia diciptakan dari pelbagai bangsa dan suku kaum supaya dapat

berkenalan dan saling bekerjasama (al-Zuhaili 2003). Ini juga memberi kefahaman kepada kita bahawa perbezaan antara umat manusia merupakan *Sunnah Allah* yang tidak boleh dinafikan. Justeru, menjadi tanggungjawab manusia untuk hidup dengan meraikan perbezaan yang ada ini. Antara perkara yang membezakan manusia adalah pola pemikiran dan bagaimana mereka memilih dan menerima sesuatu perkara. Ini termasuk dengan kepercayaan serta pegangan terhadap sesuatu agama. al-Quran menjelaskan bahawa pemilihan agama adalah terserah kepada pertimbangan manusia sendiri dan dalam masa yang sama, Allah SWT menyatakan bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang diterima Allah SWT (Ali ‘Imran: 19, Ali ‘Imran: 85).

Dalam konteks Malaysia, ia merupakan negara kedua mengisytiharkan agama Islam sebagai identiti kaum iaitu Melayu selepas Turki dan mempunyai jaminan hak istimewa di sisi perlumbagaan. Isu hak istimewa Bumiputera adalah isu yang paling sensitif dan semua pihak dilihat agak berhati-hati dalam mengendali isu ini (Wan Syatirah & Zuliana 2020). Ini bermakna, kaum Melayu memiliki hak istimewa mereka yang tersendiri yang berorientasikan kepada persetujuan bersama semua pihak. Ia bukan suatu bentuk penindasan kepada golongan bukan Muslim di Malaysia kerana kaum lain yang beragama Islam juga turut dikecualikan beberapa hak istimewa (Gunardi 2019). Malah, masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang menjunjung tinggi nilai agama dan kepercayaan. Ini terbukti apabila agama Islam diletakkan sebagai agama rasmi negara dan dilindungi oleh perlumbagaan serta dijunjung menerusi Rukun Negara. Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dilihat sebagai penyumbang kepada perpaduan dalam kepelbagai budaya di Malaysia selama ini (Wan Syatirah & Zuliana 2020).

Agama dikenal pasti antara elemen terpenting yang membentuk identiti sesebuah kelompok yang selalu diisitiharkan sebagai kaum. Namun, menyorot sejarah, peranan agama lebih jelas dalam pembentukan identiti bagi kaum Melayu dan India berbanding Cina dan dan lain-lain (Badrul et al. 2020). Sebagai contoh, definisi Melayu yang ketat dalam Perlumbagaan Malaysia di mana menjadi Muslim adalah prasyarat kepada identiti kemelayuan. Begitu juga dengan sistem monarki berperlumbagaan yang mana raja-raja Melayu adalah ketua agama Islam. Hasilnya, Islam kelihatan begitu eksklusif untuk orang Melayu sahaja. Malah wujud pandangan yang melihat menganuti Islam oleh kaum lain bermakna menjadi Melayu (Badrul et al. 2010).

Bahkan, agama juga menjadi unsur penting dalam sosiologi, komunikasi dan strategi politik. Bagi kaum Melayu, Islam memainkan peranan yang sangat besar dalam pembentukan nasionalisme Melayu. Ini seiring dengan hujah Huntington (Badrul, Mujib & Zaliha 2010) yang menyatakan bahawa agama menjadi teras budaya dan mempengaruhi setiap aspek dalam hidup manusia seperti politik, ekonomi

dan sosial. Oleh itu, agama berperanan membentuk asas pemikiran, budaya, dan segala aspek yang berkaitan dengan pembentukan peradaban. Hal ini menjelaskan pembentukan identiti kaum di Malaysia seperti Islam membentuk masyarakat Melayu, Konfusianisme membentuk identiti masyarakat Cina, dan Hindu membentuk identiti masyarakat India. Oleh itu, sebarang perbezaan akibat perbezaan agama berpotensi mewujudkan konflik (Badrul et al. 2010).

Justeru, kesedaran tentang toleransi beragama di Malaysia perlu dibangunkan seiring dengan pembangunan masyarakat berbilang agama dan kaum. Toleransi beragama ditakrifkan secara umumnya sebagai sikap atau tingkah laku yang bersedia untuk membenarkan perbezaan agama diamalkan dalam masyarakat yang pelbagai tanpa prejedis atau diskriminasi, walaupun ada yang mempunyai kuasa untuk menolak atau mengabaikannya (Muda & Mohd Tohar 2020). Ini bermakna semua orang bebas untuk mempercayai dan mengamalkan ajaran masing-masing tanpa perlu mengakui kebenaran semua agama. Maka, fahaman toleransi beragama berbeza dengan pluralisme agama sama sekali (Muda & Mohd Tohar 2020). Maka, apabila toleransi difahami begini, ia diiringi dengan pelbagai nilai murni seperti keadilan, berlapang dada, saling menghormati, saling memahami, bekerjasama, peka serta prihatin. Berdasarkan gambaran situasi ini, kajian ini bertujuan untuk membincangkan amalan toleransi beragama di Malaysia, meliputi faktor isu dan cabaran, serta pendekatan yang boleh diambil untuk memperkasa sikap toleransi beragama agar menjadi budaya masyarakat masa kini.

## **FAKTOR TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA**

Pengkaji mendapat terdapat beberapa perkara yang menjadi faktor utama yang menggalakkan toleransi beragama di Malaysia, iaitu kebijaksanaan pemimpin, pendidikan, tradisi sosial dan budaya, peranan pemimpin agama, serta nilai-nilai murni agama.

### **Kebijaksanaan Pemimpin**

Pemimpin memainkan peranan utama dalam mencorakkan kehidupan masyarakat beragama di sesebuah negara. Seharusnya, kaedah Rasulullah SAW dalam berinteraksi dengan masyarakat majmuk di Madinah melalui Piagam Madinah dijadikan model bagi para pemimpin yang bercita-cita membentuk sebuah negara yang harmoni, meskipun mempunyai masyarakat berbilang agama dan budaya (Kamal Azmi et al. 2017). Ini kerana di dalam piagam tersebut terdapat beberapa prinsip umum negara mengikut keperluan semasa antaranya ialah al-Quran dan Sunnah sebagai sumber hukum negara, kesatuan ummah dan kedaulatan negara, kebebasan bergerak dan tinggal di Madinah, hak dan tanggungjawab rakyat dari segi ketahanan dan pertahanan negara,

dasar hubungan dan bantu-membantu antara sesama warganegara, tanggungjawab individu dan negara (pemerintah) dalam menegakkan keadilan sosial, beberapa undang-undang keselamatan seperti hukuman *qiṣāṣ* dan lain-lain telah dicatatkan, kebebasan beragama untuk semua yang menjadi warganegara dan tanggungjawab negara terhadap orang bukan Islam (Kamal Azmi et al. 2017).

Di Malaysia, perjanjian sosial atau Kontrak Sosial telah wujud semasa prakemerdekaan (Mastura et al. 2020). Kontrak Sosial adalah rundingan permuafakatan yang dicapai dan dipersetujui oleh wakil-wakil parti Perikatan iaitu UMNO, MCA dan MIC dalam memuktamadkan terma-terma dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Permuafakatan ini dibuat oleh wakil-wakil parti yang mewakili kaum Melayu, Cina dan India sebagai prasyarat kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 (Mastura et al. 2020). Justeru, Kontrak Sosial tidak harus dianggap sebagai persetujuan pemimpin atau kelas elit kaum-kaum berkenaan sahaja tetapi merupakan simbolik atau tanda kepada persetujuan pemimpin yang mewakili kaum masing-masing. Kontrak sosial ini juga mengandungi beberapa unsur tradisi, iaitu kedudukan Raja-Raja Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta hak istimewa orang Melayu (Mastura et al. 2020).

Seterusnya, dengan adanya Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Islam sebagai ugama rasmi Persekutuan di samping agama-agama lain yang boleh diamalkan secara aman dan damai, ia menentukan sifat negara ini (Mastura et al. 2020). Maka, satu fakta tidak boleh ditolak bahawa perlembagaan menetapkan agama Islam sebagai suatu nilai yang sangat tinggi dan dominan serta diberi keutamaan dan tidak boleh dikesampingkan atau dikecualikan sama sekali. Masyarakat bukan Islam perlu menghormati kedudukan Islam di Malaysia kerana undang-undang di Malaysia memberikan kebebasan kepada orang bukan Islam bagi mengamalkan agama mereka dalam keadaan aman dan damai (Mastura et al. 2020). Peruntukan ini juga mengandungi jaminan kebebasan beragama bagi setiap kelompok agama selain Islam dengan aman dan damai. Frasa “aman dan damai” dalam perkara 3 (1) itu bermaksud dalam pengamalan sesuatu agama bukan Islam hendaklah dipastikan bahawa ia tidak akan menimbulkan suasana huru-hara, kekacauan dan ketidakharmoni di dalam masyarakat, sama ada di kalangan penganut agama bukan Islam mahu pun penganut agama Islam. Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kebebasan beragama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, hak kebebasan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti fasal (3), (4) dan (5) Perkara 11 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa. Kesemua ini menunjukkan bagaimana Islam itu agama rahmah dan sangat toleran (Rohaini et al. 2017).

Maka, kebijaksanaan pemimpin penting bagi memastikan peruntukan Perlembagaan ini dapat mengelakkan keharmonian antara agama di Malaysia di samping menzahirkan agama Islam sebagai agama yang rahmah kepada seluruh umat manusia. Pemimpin juga merupakan contoh terbaik bagi masyarakat dalam menunjukkan sikap toleransi dan perpaduan antara agama. Mereka juga perlu jelas antara perkara substansif dan eksklusif agama seperti isu kepercayaan dan kesucian agama, dengan perkara yang boleh dikongsi bersama antara agama seperti nilai murni dan tatacara sebagai warganegara Malaysia (Rohaini et al. 2017).

### **Pendidikan**

Pendidikan merupakan satu usaha yang dijalankan secara teratur dan terancang bagi mewujudkan suasana belajar dan proses pembelajaran agar murid-murid secara aktif dapat mengembangkan potensi dirinya dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek (Rochmad 2022). Beliau turut menegaskan bahawa melalui pendidikan, karakter seseorang dapat dibentuk. Justeru, pendidikan berkaitan agama dan toleransi agama perlu diberikan perhatian supaya generasi muda dididik tentang perbezaan yang ada dalam kalangan mereka. Ia tidak sahaja sekadar mengetahui adanya perbezaan, tetapi turut diajarkan tingkah laku dalam menghargai dan menghormati kepelbagaiannya. Ini bermakna pendidikan toleransi beragama ini akan membentuk pelajar yang berlapang dada dalam menghargai dan membiarkan penganut agama lain mengamalkan ibadah mereka masing-masing dengan bebas tanpa diganggu. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai hak beragama dan menjalankan kehidupan yang sesuai dengan hati nurani. Pendidikan toleransi beragama ini penting dalam mewujudkan kehidupan aman dan rukun antara masyarakat beragama (Rochmad 2022). Ia juga dapat mengelakkan daripada timbulnya isu-isu sensitif antara agama yang berpunca daripada salah faham dan sikap tidak mengambil endah dalam diri.

Oleh kerana di Malaysia identiti kaum dan agama mempunyai hubungan yang begitu erat, maka pendidikan di negara ini menjadikan perpaduan dan patriotisme sebagai elemen yang diberikan tumpuan khusus. Bermula dari sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi, interaksi antara agama dan kaum digalakkan dalam kalangan generasi muda, sama ada melalui penggunaan bahasa pengantar yang sama, tinggal di lokasi atau asrama yang sama mahupun keterlibatan dalam persatuan dan aktiviti berkumpulan yang sama. Meskipun begitu, sistem pendidikan di negara ini masih terdedah kepada beberapa cabaran iaitu keimbangan terhadap kehilangan identiti, bahasa serta budaya etnik masing-masing serta kekangan mewujudkan integrasi nasional (Adam et al. 2021).

Kajian oleh Nor Hayati Fatmi et al. (2021) terhadap pelajar politeknik mendapati bahawa tahap perpaduan dan patriotisme mereka berada pada tahap sederhana-tinggi dan tinggi. Maka, pengkaji mencadangkan agar kedua-dua elemen ini terus diterapkan

dalam sistem pendidikan formal maupun tidak formal bagi menjamin keharmonian masyarakat negara ini. Selain itu, keprihatinan dan kesedaran pihak pengurusan sekolah atau universiti juga berperanan dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan para pelajar. Kajian Hussein dan Haniza (2015) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan yang kuat antara proses pengurusan persekitaran pembangunan semangat patriotisme senegara Malaysia dengan sikap patriotisme senegara pelajar. Kajian ini juga mendapati tahap semangat patriotisme pelajar berbeza-beza mengikut kumpulan etnik. Bagi pelajar-pelajar dalam kalangan kumpulan etnik Melayu, mereka mempunyai semangat patriotisme kenegaraan dan semangat patriotisme sebangsa yang tinggi lebih daripada kumpulan etnik Cina dan India. Perbezaan ini perlu diberi perhatian dan tindakan perlu diambil sebelum jurangnya menjadi lebih besar seiring dengan perubahan zaman.

Kajian Suhailah et al. (2021) merumuskan bahawa aktiviti universiti merupakan antara faktor perpaduan dalam kalangan warga Universiti Malaysia Sabah (UMS). Meskipun majoriti warga universiti tersebut beragama Islam, namun mereka memperlihatkan sikap toleransi, perpaduan dan sikap hormat-menghormati, mengamalkan sikap tololong menolong dalam menjayakan program-program universiti. Ini selaras dengan konsep Islam itu sendiri yang membawa semangat perpaduan tanpa sempadan. Ini juga menjadi satu penanda aras akan kepentingan peranan pusat pendidikan baik sekolah maupun universiti untuk memperkasa keharmonian antara agama dan bangsa di negara ini. Justeru, pendidikan juga menjadi asas dan tunjang dalam memupuk benih-benih persefahaman dan perpaduan dalam kalangan pengikut pelbagai agama sejak awal usia mereka di peringkat pengajian.

### **Tradisi Sosial dan Budaya**

Di Malaysia, kesemua kumpulan etnik yang sedia ada diberi kebebasan mengamalkan cara hidup masing-masing termasuk perkara yang berkaitan dengan warisan budaya mereka (Lukin et al. 2021). Pembinaan masyarakat melalui peranan kebudayaan masing-masing akan membina sebuah bangsa yang bersatu padu sekiranya asas perjuangan asal dan sikap tolak ansur antara kepentingan masyarakat atau sesuatu kaum dapat dibezakan antara kepentingan negara. Rakyat harus tahu membezakan hak rakyat atau hak masyarakat daripada hak negara. Tidak semua hak masyarakat atau hak kaum akan menjadi hak negara, kerana hak negara sebagaimana yang dikanunkan dalam perlumbagaan akan mengatasi sifat masyarakat dan kaum (Rohani et al. 2017).

Pengalaman harian dan jalinan interaksi sosial hubungan yang baik antara individu atau kelompok yang berbeza latar belakang budaya, agama dan bahasa biasanya berlaku tanpa paksaan. Pengalaman harian yang berhasil daripada hubungan tersebut pula berlaku dalam pelbagai suasana dan ruang lingkup yang luas seperti hubungan

harian dan hubungan di tempat kerja (Lukin et al. 2021). Ia diterjemahkan melalui aktiviti kebersamaan seperti makan bersama, saling menziarahi, menghormati serta meraikan perayaan pelbagai agama dan bangsa. Kelompok masyarakat di Malaysia sentiasa berhubung antara satu sama lain dan bergaul dengan dimensi-dimensi sosial lain dalam mencapai ganjaran material dan kedudukan sosial yang diharapkan. Selain itu, dasar pengantarabangsaan dalam pendidikan tinggi negara turut berperanan dalam menggalakkan individu-individu saling berhubung dan bergantung antara satu sama lain di sebalik kepelbagaian latar belakang (Lukin et al. 2021).

Pengalaman harian dan interaksi yang meluas antara pelbagai etnik di negeri Sabah boleh dijadikan satu teladan yang baik oleh masyarakat Malaysia umumnya. Keharmonian hubungan ini boleh dilihat melalui amalan perkahwinan campur dan anutan pelbagai agama dalam sesebuah keluarga dan komuniti, sambutan perayaan secara bersama-sama serta budaya kunjung mengunjung semasa musim perayaan yang melibatkan interaksi sosial antara agama dan bangsa. Interaksi ini juga tidak bermusim, malah berlaku secara berterusan, kerap kali dan berpanjangan kerana mereka tinggal bersama di kawasan perkampungan yang sama. Kesannya, masyarakat di Sabah didapati tidak cepat bersifat prejudis apabila berlaku isu-isu melibatkan etnik dan agama di Malaysia. Sebaliknya, mereka bertindak lebih matang dalam memperhalusi isu-isu berkenaan (Lukin et al. 2021; Nur Azian & Nor Farhana 2022). Selain itu, keharmonian masyarakat Sabah diterjemah melalui kesediaan masyarakatnya hidup bersama dan gaya hidup yang cintakan perdamaian sehingga sebarang konflik yang berlaku ditangani melalui jalan tengah (*middle path*), bersetuju untuk tidak bersetuju (*agree to disagree*) dan situasi menang-menang (*win-win situation*) (Suraya et al. 2022). Di sini jelas menggambarkan lumrahnya masyarakat majmuk di Malaysia hidup yang sentiasa ada kebersamaan dalam komuniti yang sama,namun cabaran konflik boleh juga terjadi apabila kelompok tertentu membangkitkan isu-isu sensitiviti sama ada melibatan etnik atau agama. Hal ini harus diatasi secara berhikmah oleh pihak-pihak tertentu yang berkaitan.

### **Peranan Pemimpin Agama**

Pemimpin agama merupakan sosok individu yang menjadi rujukan dan sandaran kepada para pengikut sesuatu agama. Mereka mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam mencorakkan gaya berfikir dan beragama. Di Malaysia, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk mengumpulkan para pemimpin agama di negara ini untuk berbincang dan membuat keputusan mewakili agama masing-masing. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 2010 dengan nama Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Pengikut Agama (JKMPKA). Kemudian, jawatankuasa ini digantikan dengan Jawatankuasa Keharmonian Antara Pengikut Agama (HARMONI) pada tahun 2020 (Kementerian Perpaduan Negara, 2024).

Jawatankuasa ini bertujuan untuk (i) membentuk platform yang terdiri daripada pemimpin badan agama, atau persatuan agama serta lain-lain pihak berkaitan, (ii) memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta pengikut pelbagai agama berteraskan semangat saling hormat menghormati dan bekerjasama di semua peringkat, (iii) menggalakkan semua pengikut agama memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan, (v) meningkatkan penghayatan rakyat kepada nilai-nilai agama selaras dengan Prinsip Rukun Negara, (vi) meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam agar menjadi sumber kekuatan negara dan masyarakat; dan (v) membantu menyelesaikan konflik atau salah faham berkaitan isu agama melalui kaedah intervensi dan mediasi (Kementerian Perpaduan Negara 2024).

Peranan jawatankuasa ini perlu diambil serius kerana mereka terdiri daripada pakar-pakar agama yang akan mengambil tindakan berbincang terutama dalam berhadapan isu-isu sensitiviti agama. Mereka juga diharapkan dapat memainkan peranan untuk memberi pencerahan kepada masyarakat berkaitan isu tersebut (Saadiah 2023). Antara tindakan yang diambil berkaitan isu sensitif agama adalah serangan ke atas KK Mart oleh pihak yang tidak bertanggungjawab pada bulan Mac 2024. Serangan itu dipercayai berkait dengan isu penjualan stoking yang tertera kalimah Allah oleh kedai serbaneka tersebut. Jawatankuasa Harmoni telah mengadakan mesyuarat tergempar berhubung insiden ini sebagai langkah mencegah perkara yang sama berulang atau menjadi semakin parah lagi (Hasimi 2024). Demikian juga menjelaskan keprihatinan pihak berautoriti yang ingin memastikan keharmonian dan persefahaman antara pengikut agama yang berbeza tetap terpelihara dan penubuhan sesuatu jawatankuasa sebagai jambatan yang menghubungkan secara harmoni kepelbagaian etnik dan agama yang ada di Malaysia.

### **Nilai Murni Agama**

Agama berperanan sebagai pembina keamanan (*faith-based building*) kerana agama menyuburkan cara hidup sihat melalui nilai kasih mengasihi dan menanamkan sikap saling menghormati antara pihak berbeza agama. Dengan lebih jelas lagi, sesungguhnya agama berperanan penting dalam mempromosi keharmonian melalui fungsinya sebagai pembina keamanan. Ini kerana agama menawarkan nilai moral seperti tanggungjawab dan kasih sayang untuk memimpin dunia ke arah yang lebih aman. Agama juga berfungsi untuk memupuk perdamaian melalui aktiviti berstruktur yang dirancang di peringkat pemimpin agama dan hubungan sosial yang berlangsung di peringkat akar umbi (Suraya et al. 2022).

Di Malaysia, masyarakat terdiri daripada pelbagai agama. Agama utama di negara ini adalah Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan Konfucius. Setiap agama ini

mempromosikan nilai-nilai keharmonian sejagat yang tidak bertentangan antara satu sama lain. Seharusnya perkara ini diketengahkan dan ditekankan dalam masyarakat bagi menangkis imej negatif yang menganggap agama sebagai pencetus konflik dan faktor ketegangan dalam masyarakat. Sedangkan perkara yang berbeza dan tidak boleh dikongsi ialah ajaran substantif agama manakala perkara yang perlu dikongsi ialah fungsi agama yang mengajar penganutnya ke arah kebaikan (Suraya et al. 2022).

## **ISU DAN CABARAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA**

Atas perbezaan antara masyarakat di Malaysia, isu dan cabaran dalam mengekalkan toleransi beragama adalah perkara yang tidak dapat dielakkan. Antara isu toleransi beragama yang dihadapi ialah isu sensitiviti agama yang dikaitkan dengan kejahilan masyarakat, media sosial, sentimen emosi dan politik, sistem pendidikan dan kehidupan beragama para penganut agama.

### **Kejahilan Masyarakat**

Cabarani toleransi beragama di Malaysia berkait rapat dengan isu sensitiviti agama. Punca utama isu ini timbul adalah kejahilan penganut agama terhadap agama sendiri dan salah faham terhadap agama lain. Tahap pengetahuan dan kefahaman ini bergantung kepada pendedahan mereka terhadap agama lain dan bagaimana pemikiran mereka dibentuk sejak awal lagi. Antara contohnya ialah salah faham dalam kalangan penganut bukan Islam apabila ajaran Islam menyifatkan agama selain Islam adalah syirik dan lebih rendah berbanding agama lain. Selain itu, kejahilan masyarakat juga berpunca daripada sikap tidak ambil tahu atau tidak mempelajari agama lain kerana khuatir terhadap keteguhan akidah sendiri (Senin et al. 2024). Proses sosialisasi yang terhad mewujudkan golongan yang tidak memahami kepelbagaiannya budaya dan adat resam yang ada, bersikap mementingkan diri dalam kehidupan bermasyarakat, ekstremis terhadap agama dan adat serta tidak terbuka sehingga gagal membezakan antara isu politik, kaum dan agama (Nur Azian & Nor Farhana 2022).

Selain itu, konflik antara agama juga berkait dengan rasa tidak puas hati masyarakat bukan Islam terhadap keistimewaan Islam dan Melayu yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia. Keistimewaan yang diberikan ini dianggap sebagai halangan terhadap kebebasan agama lain di negara ini. Isu yang dibawakan ialah berkenaan status negara ini sama ada sebagai negara sekular atau negara Islam turut dipersoalkan. Ini kerana Perkara 3 Perlembagaan Malaysia difahami secara literal sahaja oleh masyarakat awam. Sedangkan di sisi perundangan, ia ditafsirkan dengan pelbagai sisi. Antaranya, kajian Muslim dan Buang (2017) menyatakan bahawa tujuan menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan adalah untuk upacara-upacara rasmi sahaja seperti membolehkan sembahyang dilakukan dengan baik, upacara pertabalan

Yang Di-Pertuan Agung, menetapkan tarikh berpuasa dan sebagainya. Peruntukan ini juga membolehkan penerapan nilai-nilai Islam dilaksanakan tetapi tidak penghayatan secara sepenuhnya. Selain Islam sebagai agama Persekutuan, Islam juga digunakan sebagai panduan bagi menentukan sama ada seseorang itu berbangsa Melayu atau tidak.

Tuntutan berlebihan atas nama toleransi agama juga telah menimbulkan kontroversi berkaitan hubungan antara agama. Antaranya tuntutan COMANGO (Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process) pada tahun 2013 yang mendesak kerajaan Malaysia untuk menandatangani Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR). Artikel ICCPR mengandungi hak kebebasan beragama, yang memberikan kebebasan untuk memilih agama atau kepercayaan, termasuk hak seseorang untuk menukar agamanya. Seterusnya pada tahun 2018, COMANGO dalam laporan Ulasan Berkala Universal ke-3 Majlis Hak Asasi Manusia telah menuntut agar undang-undang murtad dan pertukaran agama dipinda dengan menghapuskan undang-undang dan membatalkan keperluan proses pemulihan bagi mereka yang ingin meninggalkan Islam. Ini menunjukkan sikap konsisten yang menuntut hak kebebasan beragama, yang sepatutnya dilihat bersama-sama dengan hak Islam sebagai agama persekutuan, dan ciri khas orang Melayu haruslah Islam di Malaysia (Nur Farhana & Nur Solehah 2023).

### **Media Sosial**

Kemajuan teknologi hari ini memperlihatkan penggunaan media sosial secara meluas dalam masyarakat. Selain daripada menjadi medium mendapatkan maklumat, media sosial juga didapati menjadi faktor kepada berlakunya masalah berkaitan isu sensitiviti agama. Isu yang melibatkan penghinaan dan cemuhan terhadap agama semakin tular di media sosial sehingga memperlihatkan masyarakat masa kini semakin kurang nilai hormat-menghormati terhadap ajaran agama lain. Boleh dikatakan masyarakat semakin kurang sensitif terhadap agama lain dan kurang menghormati perbezaan agama sehingga sesetengah isu tersebut menggugat keharmonian hubungan antara agama (Suraya et al. 2022; Lukin et al. 2021). Tambahan pula, sifat media sosial yang terbuka membolehkan sesiapa sahaja memuat naik kandungan mengikut citarasa masing-masing. Natijahnya, kandungan di media sosial juga akan difahami mengikut persepsi masing-masing walaupun berkemungkinan tidak selari dengan tujuan sesuatu kandungan itu dimuat naik (Senin et al. 2024).

Penyalahgunaan media sosial berlaku apabila seseorang individu atau segelintir anggota masyarakat menjadikan media sosial sebagai satu cara untuk mencapai kepuasan diri, memperbesar-besarkan isu perkauman dan keagamaan secara bebas, dan menyebarkan fitnah untuk mempengaruhi masyarakat menentang kerajaan. Tambahan

pula, kerencaman latar belakang dan tahap pengetahuan para pengguna internet turut mempengaruhi corak perbincangan serta hantaran (posting) yang dibuat. Jarang sekali perbincangan secara rasional berkaitan satu-satu isu berjaya dilakukan melalui media sosial. Kebanyakannya berakhir dengan pertikaman lidah dan persengketaan antara mereka. Lebih parah lagi dengan kewujudan pihak tertentu yang memanipulasi fakta yang betul atas kepentingan etnik, agama dan ideologi politik masing-masing membangkitkan lagi kemarahan dan rasa kebencian antara individu mahupun sesuatu kelompok (Lukin et al. 2021).

### **Sentimen Emosi dan Politik**

Punca timbul konflik berkaitan agama juga dikaitkan dengan pendekatan masyarakat terhadap agama. Agama seharusnya difahami dengan penilaian akal yang waras dan rasional bukan menggunakan emosi serta perasaan semata-mata. Oleh kerana agama mempengaruhi corak hidup dan pemikiran penganutnya, secara tidak langsung ia juga sedikit sebanyak berkait dengan emosi manusia. Tambahan pula, agama berperanan untuk memupuk solidariti dalam kalangan para penganutnya. Secara psikologi, para penganut agama yang sama akan mempunyai rasa kesamaan atas nama iman dan kepercayaan (Mulyadi 2016).

Meskipun perbezaan agama dalam masyarakat merupakan satu fitrah, namun sikap merendah-rendahkan pihak lain merupakan pintu utama kepada berlakunya konflik berkaitan isu sensitif dalam agama. Perkara sebegini telah dilarang secara jelas dalam al-Quran (al-An'am, ayat 8). Larangan menghina dan mencerca agama atau sembahannya ini kerana ia tidak akan membawa apa-apa faedah sebaliknya hanya mengundang tindak balas yang lebih ekstrem dan serius. Setiap penganut agama juga tidak wajar mengemukakan tuntutan dan bantahan berkait dengan amalan, syiar dan kepercayaan agama lain (Khairul Azhar et al 2020).

Pada asasnya, etnik dan agama bukan faktor utama konflik dalam masyarakat Malaysia. Sebaliknya, faktor ketidakseimbangan sosioekonomi dan kelemahan pihak kerajaan menawarkan polisi yang komprehensif dalam menangani isu tersebut menyebabkan sebahagian pihak bertindak memanipulasi faktor etnik dan agama untuk mencetuskan konflik dan ketegangan dalam masyarakat. Kedua-dua faktor ini sering dilihat menjadi modal provokasi terbaik pihak-pihak yang berselindung di sebalik agenda tertentu. Isu-isu seperti hak keistimewaan orang Melayu dan kedaulatan raja-raja Melayu, hak samarata antara Islam dan bukan Islam, mempertikai fungsi dan struktur institusi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi tahniah misalnya dilhat semakin terzahir pada musim pilihanraya. Ini adalah kesan daripada kelemahan pihak kerajaan dalam menangani sebahagian isu secara efektif atau sekurang-kurangnya membetulkan persepsi yang berlegar dalam kalangan

masyarakat. Sikap yang ekstrem dan pendekatan provokatif dalam mendepan isu-isu sebegini menjadi ancaman kepada keutuhan hubungan antara agama dan kaum dalam masyarakat Malaysia (Meerangani et al. 2020). Selain itu, isu berat sebelah agama semasa pemerintahan tertentu dan budaya politik etnikisme turut menyebabkan berlakunya persaingan antara etnik dan agama yang membawa kepada konflik dalam kalangan masyarakat apabila wujudnya sikap prejedis serta diskriminasi antara agama (Nur Azian & Nor Farhana 2022).

### **Sistem Pendidikan**

Antara keunikan sistem pendidikan di Malaysia ialah kewujudan sekolah vernakular. Sekolah ini ditubuhkan oleh British bagi memberi peluang pendidikan kepada kumpulan pekerja dari China dan India yang masuk beramai-ramai ke Tanah Melayu pada era penjajahan. Perbezaan latar belakang dan standard kurikulum antara Sekolah Melayu, Cina dan India menyebabkan berlakunya jurang sosioekonomi dalam masyarakat (Salleh et al. 2023). Selain itu, masalah yang timbul berkaitan sistem pendidikan pada hari ini adalah kerana semasa di bawah pentadbiran kolonial British, dasar pendidikannya berasaskan kepada pemisahan antara etnik. Akibatnya, setiap etnik mempunyai sistem pendidikan mengikut acuan etnik serta berorientasikan negara asal masing-masing. Ini telah menyukarkan sifat taat setia kepada Tanah Melayu diwujudkan dalam kalangan masyarakat bukan Melayu (Adam et al. 2021).

Justeru, sistem sekolah vernakular didapati masih dijadikan kontroversi melalui tulisan-tulisan di akhbar dan perdebatan antara parti politik. Ini kerana sistem pendidikan ini dilihat menjadi faktor masalah etnik dan agama sehingga terdapat gesaan yang menyeru kepada pelaksanaan satu aliran dalam sistem pendidikan seperti sekolah kebangsaan dengan pemansuhan sekolah vernakular. Konflik antara pengekalan dan pemansuhan sekolah vernakular ini adalah kerana fungsi sekolah kebangsaan bertujuan untuk menyemai dan mengekalkan identiti kebangsaan serta memudahkan komunikasi silang budaya sedangkan sekolah vernakular adalah bersandarkan kepada semangat untuk mengekalkan identiti budaya minoriti (Salleh et al. 2023). Maka, isu seperti penggunaan bahasa Melayu dalam semua sekolah termasuk vernakular masih menjadi perkara yang diperdebatkan dalam sistem pendidikan kerana wujudnya pelbagai bahasa daripada etnik yang berbeza. Isu ini juga berkait dengan cabaran mewujudkan integrasi nasional (Adam et al. 2021).

Perbezaan latar belakang pendidikan mempunyai kesan terhadap sikap toleransi beragama masing-masing. Bagi mereka yang biasa bergaul dengan rakan-rakan berlainan agama dan kaum, mereka mempunyai kemampuan berkomunikasi yang baik dan terbuka kepada perbincangan berkaitan dengan agama sekaligus menyumbang kepada pembentukan integrasi nasional serta interaksi antara agama (Adam et al. 2021).

Manakala, bagi mereka yang bersekolah secara terpisah seperti sekolah vernakular atau sekolah berorientasikan agama, maka peluang untuk berinteraksi dengan rakan-rakan berbilang agama dan kaum adalah terhad. Pemisahan ini kerap menimbulkan rasa prejudis terhadap agama dan bangsa lain akibat tidak saling mengenali. Justeru, peranan guru dan sekolah penting dalam membina generasi yang harmoni dan mampu berinteraksi luar lingkungan mereka.

### **Kehidupan Beragama Para Penganut Agama**

Agama merupakan satu faktor kepada manusia untuk hidup dalam keadaan harmoni dan berkasih sayang, tetapi dalam masa yang sama boleh mendorong kepada sikap tidak bertoleransi terhadap mereka yang berbeza pegangan. Sifat dikotomi agama ini perlu diperhalusi sebaiknya untuk mengenal pasti sejauh manakah ia mempengaruhi pemikiran para penganut agama seterusnya cara mereka berinteraksi dalam masyarakat. Agama berperanan dalam memberikan makna kepada kehidupan seseorang dan membantunya dalam memahami dunia ini melalui ajaran yang terkandung di dalamnya. Maka, di samping terdapat agama yang mengajarkan toleransi, ada juga agama yang menyebabkan prejudis. Selain itu, agama juga merupakan ruang menentukan kedudukan sosial dan perkumpulan seseorang. Malah, dalam sesetengah keadaan penganut agama boleh memperkuuhkan kedudukannya dengan cara merendahkan agama lain. Ini memberi kesan terhadap sikap toleransi beragama seseorang (Galbraith et al. 2020). Selain itu, konflik agama dan kepercayaan juga boleh timbul melalui amalan perkahwinan campur kerana pasangan terpaksa memilih agama yang dianuti selepas berkahwin. Ini menyebabkan kes pertukaran agama yang boleh menimbulkan isu sensitif agama jika tidak dikendalikan dengan baik (Nur Azian & Nor Farhana 2022).

Tahap toleransi beragama juga bergantung kepada motivasi seseorang menganut satu-satu agama dan cara mereka memproses agama masing-masing. Sekiranya kehidupan beragama mereka bermatlamatkan status sosial tertentu, maka mereka akan lebih bersikap prejudis terhadap penganut agama lain. Manakala bagi mereka yang beragama dengan tujuan memenuhi komitmen agama melalui ketaatan, maka mereka mempunyai sikap toleransi yang lebih tinggi sekiranya ajaran agama mendorong mereka untuk bersikap demikian. Sebaliknya, para penganut agama juga boleh jadi mereka yang tidak bertoleransi agama sekiranya ajaran agama mereka tidak mendorong kepada sikap toleransi agama. Ini menunjukkan bahawa agama memainkan peranan sebagai sumber toleransi dan penerimaan. Ia dilakukan melalui pendidikan nilai yang berasaskan toleransi, serta galakan untuk menjadi model toleransi dalam masyarakat. Selain itu, sikap toleransi boleh disuburkan melalui interaksi antara agama yang membolehkan para penganut agama secara proaktif mempelajari agama lain, mengenal pasti persamaan, menerima perbezaan dan bersatu menentang sentimen anti agama (Galbraith et al. 2020).

Justeru dapat dikenalpasti wujudnya isu-isu dan cabaran-cabaran toleransi beragama yang ada sebahagiannya sukar dikawal seperti media sosial, sentimen emosi dan politik yang berlaku di Malaysia. Namun, masih ada ruang yang boleh dikawal seperti melalui sistem pendidikan dapat merawat kejahilan masyarakat berkaitan perkara-perkara yang melibatkan isu sensitiviti agama dan menyuburkan kembali kehidupan antara masyarakat berbilang agama dengan aktiviti sosial dan kebudayaan bersama melalui kebijaksanaan pemimpin dan peranan pemimpin agama.

## **PENDEKATAN TOLERANSI BERAGAMA MASA KINI**

Berdasarkan faktor penguat dan penghalang yang ada dalam masyarakat beragama di Malaysia, kajian ini mengemukakan beberapa cadangan pendekatan toleransi beragama bagi masyarakat masa kini. Antara pendekatan yang dicadangkan ialah sikap saling menghormati, pemerksaan pendidikan, penyebaran maklumat berkaitan agama dan isu sensitif antara agama, menghindari provokasi dan pemerksaan undang-undang.

### **Sikap Saling Menghormati**

Sikap saling menghormati penting bagi sebuah masyarakat berbilang bangsa, budaya dan agama. Ia perlu ada dalam diri setiap individu untuk sentiasa berusaha mengekalkan sikap saling menghormati atas perbezaan sesama mereka. Ini kerana setiap agama mempunyai prinsip dan kekuatan tersendiri di samping nilai-nilai murni yang sama antara agama. Berlaku baik terhadap orang lain merupakan seruan dan ajaran dalam semua agama. Setiap penganut agama diperintahkan untuk membiasakan diri dengan perbuatan baik. Kesannya, agama berperanan sebagai pengawal sosial bagi para penganutnya baik di peringkat individu maupun di peringkat masyarakat (Mulyadi 2016).

Setiap anggota masyarakat perlu memahami dan mengamalkan hak menghormati agama lain. Bagi yang tidak mengetahui berkaitan batas-batas agama sama ada sendiri atau agama orang lain, mereka perlu merujuk kepada pemimpin agama masing-masing. Para pemimpin berperanan untuk menjelaskan kepada masyarakat berkaitan konsep dan amalan toleransi beragama yang sepatutnya diamalkan oleh para penganut agama. Konsep saling hormat menghormati kepada agama lain juga perlu dilihat secara luas meliputi aspek pendidikan, perniagaan, seni, amalan ibadat, makanan dan budaya hidup. Contohnya, para penganut agama perlu mengetahui bahawa terdapat perkara sensitif bagi sesetengah agama lain seperti kalimah Allah dalam Islam tidak boleh diletakkan pada tempat-tempat yang rendah seperti stoking, kasut, pakaian atau alas kaki. Ini kerana kalimah Allah merupakan kalimah suci yang tidak layak ditulis atau diletakkan pada tempat sedemikian. Antara lain, para penganut agama juga perlu memahami terdapat makanan yang menjadi larangan bagi sebahagian agama lain

seperti daging lembu bagi penganut Hindu dan daging babi bagi penganut Islam. Sikap tidak ambil berat dan tidak menghormati terhadap perkara-perkara sebegini boleh mencetuskan polemik antara agama dan mengganggu gugat keharmonian masyarakat.

### **Pemerkasaan Pendidikan**

Dalam membina perpaduan dan keharmonian beragama, asas kepada hubungan antara penganut agama adalah kefahaman. Ini penting dalam mengelakkan konflik berkaitan isu sensitiviti agama. Apabila seseorang memahami agama lain, konflik serta salah faham dapat dielakkan kerana mereka memahami asas dan sebab kepercayaan dan amalan dalam agama lain. Di samping itu, sikap menghormati atas perbezaan yang dipupuk boleh mengawal seseorang daripada merendah-rendahkan atau menghina agama lain. Bagi membentuk masyarakat yang memahami agama lain, pendidikan memainkan peranan utama.

Pendidikan berkaitan agama lain ini perlu disampaikan dengan betul dan menggunakan sumber yang tepat. Para pelajar juga perlu dididik tentang prinsip beragama dalam kehidupan dari perspektif setiap agama. Pendidikan tentang agama lain serta penerapan etika dalam dialog antara agama dalam kalangan generasi muda merupakan salah satu usaha mengatasi elemen rasisme (Nazneen et al. 2018). Pendekatan ini juga didapati signifikan bagi meningkatkan amalan toleransi agar tidak ada pihak yang dengan sengaja menyekat hak dan kebebasan agama lain mempraktiskan kepercayaan dan amalan masing-masing. Ini dipersejui oleh pihak autoriti agama-agama di Malaysia kerana ia dapat menyumbang kepada pembinaan sikap hormat menghormati dan mengurangkan prasangka dan prejudis terhadap agama lain. Walau bagaimanapun, bagi Muslim usaha ini perlu tertakluk kepada batasan dan syarat tertentu khususnya perkara yang melibatkan sensitiviti agama. Ini menunjukkan hasrat penyelarasan pemahaman agama melalui sistem pendidikan perlu dilihat atau dibaca bersama Perlembagaan Malaysia dan persetujuan daripada pemimpin-pemimpin agama agar pendekatan kefahaman antara agama benar-benar berupaya menjadi pemangkin toleransi dalam hubungan sosial antara agama di Malaysia (Nur Farhana & Nur Syariah 2020).

Selain itu, pendidikan toleransi beragama juga penting untuk diterapkan dan perlu kepada kerjasama antara guru, ibu bapa dan para pemimpin masyarakat di samping penyediaan kurikulum khas yang menyentuh aspek perbezaan agama ini. Kurikulum yang digubal sesuai dengan keperluan masyarakat ini perlu disampaikan oleh para guru yang berkeahlilan dan menunjukkan contoh yang baik kepada para pelajarnya. Ini memicu usaha penghayatan toleransi beragama dalam sebuah negara (U. Abdullah Mumin 2018).

## **Penyebaran Maklumat Berkaitan Agama dan Isu Sensitif Antara Agama**

Sebagai salah satu langkah pendidikan juga, penyebaran maklumat berkaitan agama dan isu sensitif antara agama perlu diperkasa. Antaranya ialah dengan menyediakan garis panduan dalam memahami isu sensitiviti agama untuk disebarluaskan. Garis panduan yang menyeluruh dalam membahaskan isu-isu sensitif dalam agama juga akan memudahkan masyarakat untuk memahami serta menghormati agama lain dengan lebih terperinci supaya segala tindakan atau pertuturan yang dilakukan tidak melampaui batas sensitiviti agama lain.

Bagi tujuan ini, media sosial merupakan medium yang boleh dimanfaatkan. Inisiatif kerajaan dalam menyemarakkan perpaduan perlu diuar-uarkan melalui laman sesawang kementerian, jabatan, agensi kerajaan, sektor swasta dan sebagainya. Penjelasan berkaitan isu sensitif atau masalah berkaitannya perlu diberikan respons serta jawapan balas secepat mungkin sebelum fitnah dan salah faham dalam masyarakat semakin membarah. Melalui media sosial juga, latar belakang dan budaya sesuatu etnik, agama dan komuniti boleh disalurkan. Penggunaan media sosial secara proaktif oleh Kementerian Perpaduan diperlukan kerana sebagai sumber maklumat, media sosial berpengaruh terhadap cara berfikir dan cara bertindak masyarakat. Di samping itu, internet dan media sosial juga memberi ruang kepada masyarakat untuk membina jaringan komunikasi antara satu sama lain, merentas kelas sosial, agama dan budaya. Ini membolehkan pengguna media sosial memahami latar belakang sesuatu etnik dengan lebih dekat termasuk tentang kepercayaan, upacara keagamaan, dan perayaan yang diamalkan oleh sesuatu kelompok etnik. Perkongsian individu atau komuniti tentang program-program kemasyarakatan boleh dimuat naik dalam media sosial sebagai teladan dalam masyarakat (Lukin et al. 2021).

Selain media sosial, profileman juga begitu popular dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Media dalam bentuk profileman dapat menyemai nilai-nilai perpaduan yang unik serta pengukuhan hubungan etnik masyarakat Malaysia menerusi teladan yang ditunjukkan sama ada menerusi jalan cerita sesebuah filem mahupun perwatakan watak-watak utama dan sampingan dalam filem berkenaan. Usaha menggalakkan penghasilan filem yang melambangkan keunikan budaya masyarakat di Malaysia harus ditingkatkan bagi menambah kefahaman dan penghayatan rakyat tentang latar belakang serta realiti kepelbagaiannya dalam masyarakat. Selain itu, penghasilan filem-filem pendek juga boleh memberikan impak yang positif kepada penonton meskipun paparan cerita dalam filem sebegini hanya mengambil masa selama tiga hingga tujuh minit sahaja (Lukin et al. 2021).

### **Menghindari Provokasi**

Provokasi timbul kerana ada sentimen dalam diri yang merasakan satu-satu kelompok lebih baik daripada yang lain. Selain itu, kelemahan penguatkuasaan undang-undang turut menyumbang kepada berleluasanya sikap provokasi antara kaum ini. Maka, sebagai warganegara sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama, seseorang itu perlu sedaya mungkin menghindari provokasi antara agama dan kaum dengan cara berhati-hati dalam penyampaian baik secara tulisan maupun perkataan.

Bagi menghindari provokasi dalam masyarakat, kasih sayang dan sikap memahami perlu dipupuk dalam diri sejak dari kecil. Kasih sayang yang ditekankan adalah berdasarkan kepada nilai kemanusiaan yang membawa erti kepada kepedulian, aktiviti sosial yang saling bantu membantu dan bekerjasama. Islam menganjurkan kepada umatnya supaya sentiasa melakukan amalan yang baik kepada orang lain tanpa mengira perbezaan (Mohd Lukman & Asfaridzuan 2018). Hubungan ini juga mestilah berasaskan kepada akhlak dan keadilan sosial. Ini bagi mengelakkan daripada terbit rasa ditindas dan dizalimi. Untuk itu, masyarakat perlu memahami hak mereka dan orang lain serta batasannya.

Selain itu, dialog antara agama juga perlu dijadikan sebagai budaya untuk melatih sikap keterbukaan dalam diri para penganut agama. Tambahan pula, latar belakang masyarakat yang majmuk seperti di Malaysia ini mempunyai sisi perbezaan yang boleh sahaja diperbesarkan serta dijadikan senjata untuk mengganggu keharmonian masyarakat. Secara prinsipnya, dialog merupakan satu perbincangan daripada dua atau beberapa pihak yang berbeza untuk membina persefahaman antara mereka. Ia sarat dengan nilai pendidikan kerana setiap pihak berpeluang mempelajari dan memahami sisi pandang sebenar pihak yang lain. Hasilnya, berlaku perubahan dari segi pemikiran dan persepsi ke arah memperkuuhkan kerjasama dan perpaduan antara mereka. Maka, dialog antara agama ini perlu disemarakkan lagi dengan mematuhi etika dan prinsip tertentu seperti tidak menyentuh isu akidah, bersepakat atas nilai universal agama selain akidah, tidak mencemuh dan merendah-rendahkan agama lain dan memelihara kerukunan penganut agama (Rahimin Affandi et al. 2011).

### **Pemerksaan Undang-Undang**

Pemerksaan undang-undang dapat membantu meningkatkan toleransi beragama dalam beberapa cara iaitu dari segi perlindungan hak asasi manusia. Hak asasi manusia yang merangkumi kebebasan beragama perlu difahami dan dijelaskan kepada semua warganegara khususnya berkaitan isu keluar agama Islam atau murtad serta isu perkahwinan antara penganut agama yang melibatkan pasangan Muslim. Isu

begini sering menimbulkan konflik dengan menggunakan alasan hak asasi manusia sedangkan Islam mempunyai batasan tertentu apabila melibatkan soal pengamalan agama. Dalam konteks Malaysia, perbincangan berkaitan hak dan sensitiviti agama tidak boleh dipisahkan daripada perundangan dan perlembagaan. Kejihilan berkaitan isu agama ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap kredibiliti undang-undang dan menyukarkan pembentukan masyarakat harmoni di Malaysia. Perkara ini boleh dilihat melalui dakwaan dan konflik dari masa ke masa yang dicetuskan oleh masyarakat bukan Islam yang tidak berpuas hati dengan keistimewaan Islam dan Muslim (Nur Farhana & Khadijah 2013). Maka, pemerkasaan undang-undang juga perlu diseiringkan dengan pemahaman dalam kalangan masyarakat tentang batasan agama lain. Sekiranya, penganut agama lain memahami bahawa umat Islam mempunyai batasan atau peraturan tertentu maka mereka juga perlu sedar ia memberi implikasi terhadap hubungan perkahwinan atau kekeluargaan seperti hak penjagaan anak, hak perwarisan harta atau hak nafkah. Pemeriksaan undang-undang juga diperlukan untuk mengekang diskriminasi antara agama, memberikan maklumat berkaitan agama, mempromosikan toleransi beragama, menimbulkan kesedaran akan kepentingan kebebasan beragama dalam masyarakat serta menyelesaikan konflik antara agama.

## **KESIMPULAN**

Toleransi beragama merupakan satu prinsip asas yang menjamin keharmonian masyarakat. Ia juga menjadi satu keunikan bagi negara Malaysia untuk teguh bertahan sejak kemerdekaan sehingga hari ini. Sayangnya, prinsip dan amalan toleransi beragama ini semakin memudar dalam masyarakat khususnya generasi muda atas pelbagai faktor khususnya sikap mementingkan diri sendiri. Pemikiran yang sempit ini bukan sahaja boleh mencetuskan konflik antara agama malah boleh membawa kepada keruntuhan sesebuah masyarakat. Cabaran berkaitan toleransi beragama ini perlu diatasi sebaiknya dengan kerjasama dan usaha daripada setiap anggota masyarakat. Melalui pendidikan, pengetahuan berkaitan agama lain dipertingkatkan, serta sikap saling menghormati dibudayakan. Para pemimpin negara dan agama juga berperanan sebagai model kepada masyarakat agar interaksi antara agama dapat dijadikan amalan harian serta undang-undang sedia ada terus diperkasakan. Integrasi antara kesemua elemen ini dapat menyumbang kepada kelestarian keharmonian dalam kepelbagaiannya di Malaysia serta memicu kemajuan negara ke persada dunia.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU) di bawah projek bertajuk ‘Analisis Keperluan dan Panduan Pelaksanaan Aplikasi Digital Terhadap Toleransi Antara Agama di Malaysia’, Kod Projek: 2023/P/GPIU/GPM-008.

## **RUJUKAN**

- Adam, S. D. S., Othman, I. W., Hamid, J. A., Esa, M. S., Ationg, R., Lukin, S. A. & Tamring, B. A. M. 2021. Pengaruh pendidikan dalam kepelbagaian etnik sebelum dan selepas merdeka di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 6 (23): 68-84.
- Al-Zuhailī, Wahbah. 2013. *Tafsir al-Munir*. Terj. Abdul Hayyie al-Kattani. Jakarta: Gema Insani.
- Badrul Azmier, M.B., Mujib, A. M. & Zaliha, H. 2010. Sejauh Mana Peranan Agama Dalam Politik Malaysia. Kertas kerja Seminar on National Resilience, hlm. 393-409.
- Galbraith, Q., Carlisle, A. & White, B. 2020. Religion as a source of tolerance and intolerance: Exploring the dichotomy. *The International Journal of Religion and Spirituality in Society* 10 (2): 89-105.
- Gunardi, S. 2019. Maqasid shariah dan aplikasinya dalam bermuamalah antara Muslim dan bukan Muslim. *International Research Journal of Syariah, Muamalat and Islam* 1(2): 31-39.
- Hasimi, M. 2024. Serangan KK Mart: Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama adakan mesyuarat tergempar. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia-serangan-kk-mart-jawatankuasa-keharmonian-antara-penganut-agama-adakan-mesyuarat-tergempar-464950> [5 Mei 2024].
- Hussein, A. & Haneza, A.H. 2015. Pengurusan pembangunan konsep perpaduan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Kajian di Klang, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 2(4): 1-15.
- Kamal Azmi A.R., Nazneen, I. & Norsaleha, M.S. 2017. Piagam Madinah dalam penulisan Ahmad Ibrahim (1916-1999). *Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2017 (PAnTUMN2017)*: 1-13.
- Kementerian Perpaduan Negara. 2024. Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI). <https://www.perpaduan.gov.my/index.php/bm/> [10 Mei 2024].
- Lukin, S. A., Esa, M. S., Muis, A. M. R. A., Ationg, R., Tamring, B. A. M., Othman, I. W. & Mokhtar, S. 2021. Kaedah dan cabaran dalam mengurus hubungan etnik di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 6 (23): 115-124.
- Mastura, A.W., Khadijah, M. & Wan Mohd Fazrul Azdi, W.R. 2020. Islam sebagai agama persekutuan dalam kontrak sosial di Malaysia. *E-Proceedings International Conference of Aqidah, Religion, and Social Sciences (SIGMA 10)*: 22-29.
- Meerangani, K. A., Rosele, M. I. & Marinsah, S. A. 2020. Pendekatan wasatiyyah dalam interaksi inter-agama di Malaysia: Wasatiyyah approach in inter-religious interaction in

Malaysia. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)* 31(2):19.

Mohd Lukman, D. & Asfaridzuan, A. 2018. Prinsip Berinteraksi Dengan Non-Muslim di Malaysia. *Rahmah li Al 'Alamin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia*, hlm. 39-46.

Muda, K. & Mohd Tohar, S. N. A. 2020. Definisi, konsep dan teori toleransi beragama: Definition, concept and theory of religious tolerance. *Sains Insani* 5(1): 194-199.

Mulyadi. 2016. Agama dan pengaruhnya dalam kehidupan. *Jurnal Tarbiyah Al-Awlad* VI (2): 556-564.

Muslim, N. & Buang, A. H. 2017. Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 10(2).

Nazneen, I., Aemy Elyani, M.Z., Norsaadah, D.M.N. & Maryam Habibah, K. 2018. Pendekatan fiqh ta'ayus dalam menangani konflik antara agama. *Islamiyyat* 40 (2):151-160.

Nor Hayati, F.T., Hasani, G. & Nor Wahida, D. 2021. Perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 5 (2): 24-35.

Nur Farhana, A.R. & Khadijah, M.K. 2013. Religious tolerance in Malaysia: Problems and challenges. *International Journal of Islamic Thought* 3: 81-91.

Nur Farhana, A.R. & Nur Solehah, S. 2023. Religious tolerance conceptual framework: Malaysian religious leaders and scholars' perspective. *International Journal of Islamic Thought* 24:168-178.

Nur Farhana, A.R. & Nur Syariyah, M.S. 2020. Persepsi penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap isu-isu sensitif agama: Kajian di Lembah Klang. *International Journal Islamic Thought* 12(1): 95-109.

Rahimin Affandi, A.R., Mohd Anuar, R., Paizah, I. & Nor Hayati, M.D. 2011. Dialog antara agama: Realiti dan prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia* 29 (2): 91-110.

Rochmad, N. 2022. Urgensi dan metode pendidikan toleransi beragama. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Universitas Wahid Hasyim* 10 (1): 378-399.

Rohaini, A., Ayu Nor Azilah, M. & Nor Azlina, E. 2017. Dialog dan toleransi agama: Kepentingannya kepada masyarakat majmuk di Malaysia. E- Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2017.

Saadiah, I. 2023. Pemimpin agama perlu main peranan jaga kehamonian masyarakat. *BH*

- Online.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1170383/pemimpin-agama-perlu-main-peranan-jaga-kehamonian-masyarakat> [4 Mei 2024].
- Salleh, F., Mat Dan, A., Muhamad Isa@Omar, R. A., Syed Chear, S. L. & Mohd Noor, L. 2023. Aspirasi masyarakat terhadap sekolah agama dan Sekolah Jenis Kebangsaan: Community aspiration towards religious and national type schools. *Sains Insani* 8(2): 275-285.
- Senin, N., Ismail, N. & Misra, M. K. A. 2024. Factors contributing to religious sensitivity issues: Malaysian religious leaders' perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14(3): 1138-1145.
- Siti Khatijah, Y. & Fadzli, A. 2017. Sensitiviti agama dalam hubungan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Proceeding of International Conference on Empowering Islamic Civilization 7-8 Oktober.
- Suhailah, Ahmad Tarmizi Abdul, Nor-Ina, Mikdar & Atika Farhain. 2021. Perpaduan etnik dalam kepelbagaian di Sabah dari sudut pandang Piagam Madinah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 6 (39): 177-194.
- Suraya Sintang, Mohd. Nazmi Mohd. Khalli, Khadijah Mohd. Khambali@Hambali & Rosazman Hussin. 2022. Menjana keharmonian melalui jalinan kerjasama antara pengikut beza agama di Sabah. *E-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities* 19 (6): 88-102. 10.17576/ebangi.2022.1906.07.
- U. Abdullah Mumin. 2018. Pendidikan toleransi perspektif pendidikan agama Islam (Telaah muatan materi pendekatan pembelajaran di sekolah). *Al-Afsar: Journal for Islamic Studies* 1(2).
- Wan Syatirah, W.S. & Zuliana, Z. 2020. Perpaduan dalam membentuk keamanan umat Islam di Malaysia. Proceedings of the 7<sup>th</sup> International Prophetic Conference (SWAN) 2020: 183 - 202.